



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

MAJLIS ANUGERAH BANDAR RENDAH KARBON 2024

26 FEBRUARI 2025 (RABU)

HOTEL SOFITEL KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

- 1. Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- 2. Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
- 3. Yang Berusaha Encik Saiful Adib Abdul Munaff**
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation
(MGTC)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan dengan izin dan rahmat-Nya, kita berpeluang untuk berkumpul di Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2024. Bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES), saya ingin menzahirkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir pada petang ini.
2. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Bahagian Perubahan Iklim dan Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation (MGTC) kerana berjaya menganjurkan majlis pada hari ini.

3. Di majlis ini, kita meraikan dan mengiktiraf hasil usaha dan komitmen jitu yang diberikan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), badan-badan kerajaan dan organisasi swasta dalam melaksanakan inisiatif pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) di lokaliti masing-masing menerusi program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (*Low Carbon Cities 2030 Challenge* - LCC2030C).

MEMACU PERKEMBANGAN BANDAR RENDAH KARBON KE ARAH BANDAR SIFAR BERSIH DAN BERDAYA TAHAN IKLIM

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Memacu perkembangan bandar rendah karbon ke arah bandar sifar bersih dan berdaya tahan iklim merupakan satu tanggungjawab besar yang perlu kita pikul bersama demi masa depan generasi akan datang.
5. Berdasarkan laporan daripada organisasi seperti UN-Habitat, Bank Dunia, dan IEA (*International Energy Agency*), bandar-bandar di Asia dijangka menyumbang lebih daripada 50 peratus peningkatan pelepasan GHG global dalam tempoh 20 tahun akan datang. Ini disebabkan oleh urbanisasi pesat, pertumbuhan ekonomi dan kebergantungan kepada bahan api fosil. Ini akan memberikan kesan perubahan iklim yang lebih teruk, terutamanya di bandar-bandar besar yang berisiko tinggi terhadap bencana alam seperti banjir, ribut dan gelombang haba.

6. Namun begitu, pada masa yang sama, bandar juga perlu memainkan peranan penting sebagai sebahagian daripada penyelesaian terhadap perubahan iklim. Ini dapat direalisasikan melalui pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi yang menekankan perancangan strategik, pengurusan sumber yang efektif dan komitmen berterusan daripada semua pihak yang terlibat dalam usaha membangunkan bandar yang lebih lestari, rendah karbon dan berdaya tahan.
7. Langkah-langkah seperti pengurangan impak fenomena pulau haba (*urban heat island*) melalui program penghijauan bandar, pengurusan tenaga yang cekap, serta pembangunan bangunan yang berkonsepkan reka bentuk hijau bukan sahaja membantu mengurangkan kesan perubahan iklim, malah meningkatkan kualiti persekitaran hidup. Secara tidak langsung, inisiatif ini bukan sahaja menjadikan bandar lebih berdaya tahan, tetapi juga menjamin kesejahteraan rakyat serta memberikan manfaat bersama kepada masyarakat dan ekonomi secara keseluruhan.

KOMITMEN KERAJAAN: TRANSFORMASI MALAYSIA MADANI KE ARAH BANDAR SIFAR BERSIH

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Malaysia komited untuk mencapai sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 45% berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2030 dan menyokong aspirasi negara mencapai pelepasan GHG sifar bersih menjelang tahun 2050.

9. NRES juga sedang menggubal Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN) bagi memastikan tindakan iklim dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan holistik.
10. Ia juga selaras dengan konsep Malaysia Madani di mana salah satu tonggak utama adalah kemampanan yang menjurus kepada kesejahteraan dan keseimbangan yang merangkumi manusia, alam sekitar, ekosistem termasuklah flora, fauna dan kepelbagaian organisma hidup yang lain untuk mencapai kelestarian dan mutu kehidupan yang lebih baik.
11. Dengan itu, inisiatif bandar rendah karbon harus diterapkan kerana ia dapat memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat selain daripada mengurangkan karbon dan menjaga alam sekitar, ia turut membantu dari segi pengurangan kos operasi bangunan, fasiliti dan rumah masing-masing.
12. Bagi merealisasikan inisiatif ini, NRES menyasarkan pewujudan **200 Zon Rendah Karbon** menjelang tahun 2030. Bandar rendah karbon merupakan model pembangunan asas bandar yang lestari di mana penekanan diberi kepada aspek pengurangan karbon tanpa menjejaskan keperluan ekonomi dan sosial penghuni bandar berkenaan.
13. Dalam hal ini, rangka kerja **Low Carbon Cities Framework (LCCF)** yang telah diterbitkan pada tahun 2011 telah memberi latihan dan panduan kepada 135 PBT daripada 156 PBT di seluruh Malaysia untuk menerajui konsep pembangunan bandar lestari.

14. Sehingga tahun 2024, sebanyak **67 PBT** telah menyertai program LCCF dan diharapkan jumlah ini akan meningkat dan menjadi satu fenomena yang berterusan pada tahun-tahun akan datang.
15. Rangka kerja LCCF turut diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju hartanah, universiti dan pihak-pihak berkepentingan lain dalam perancangan pembangunan lestari. Ia diperkukuhkan lagi dengan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (*National Low Carbon Cities Masterplan* - NLCCM) 2021, di mana penekanan terhadap tadbir urus, perancangan bandar, penyertaan komuniti, dana kewangan dan pengumpulan data juga amat dititikberatkan di samping pembangunan dan infrastruktur fizikal yang rendah karbon.
16. Perkembangan positif juga dapat dilihat dimana semakin banyak bandar memberi tumpuan kepada pengurangan pelepasan GHG, peralihan kepada tenaga boleh baharu (TBB), pelaksanaan inisiatif kecekapan dan pemuliharaan tenaga, galakan menggunakan pengangkutan awam dan mobiliti aktif serta pewujudan persekitaran bandar yang lebih lestari dan berdaya tahan.
17. Ia turut disokong oleh penambahbaikan dasar-dasar kerajaan, komitmen sektor industri dan perniagaan, penglibatan rakyat yang inklusif, inovasi dan adaptasi teknologi hijau dan jalinan kerjasama antarabangsa yang semakin luas, semuanya bertujuan untuk menjadikan bandar lebih lestari dan boleh dihuni dalam menghadapi kesan perubahan iklim.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

PENGHARGAAN DAN *WAY FORWARD*

18. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) tidak akan dapat melaksanakan pelbagai inisiatif bandar rendah karbon tanpa kerjasama daripada pelbagai pihak. Kini, sudah tiba masanya untuk kita terus berusaha dan memulakan langkah awal dalam menuju ke arah Bandar Sifar Bersih menjelang tahun 2050.
19. Namun, sudah tentu usaha kita perlu dimulakan dari sekarang bagi membolehkan kita membuat perancangan, perubahan dan penambahbaikan sewajarnya dalam usaha ke arah mencapai matlamat berkenaan. Saya berharap kita bersama-sama menyumbang kepada agenda perubahan iklim negara dan mengarus perdana isu tersebut dalam rancangan pembangunan dan pelaksanaan dasar negara.
20. Justeru, pada petang ini, kita akan meraikan dan mengiktiraf peranan dan hasil usaha serta komitmen yang telah diberikan oleh kerajaan negeri, PBT, badan-badan kerajaan dan organisasi swasta dalam melaksanakan inisiatif pengurangan pelepasan karbon di kawasan masing-masing.
21. Saya ingin merakamkan penghargaan di atas penglibatan dan sokongan yang konsisten daripada PBT-PBT dari Negeri Selangor, Johor, Melaka dan Pahang, malah saya dimaklumkan bahawa PBT-PBT di Sarawak kini telah mula menyertai program ini dan diharap pada masa akan datang lebih banyak penyertaan diterima dari Sarawak dan juga Sabah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

22. Pengiktirafan yang akan disampaikan pada petang ini adalah seperti berikut:

- i. penganugerahan **30 *Provisional Certificate*** bagi penyertaan yang berjaya membangunkan data penanda aras;
- ii. penganugerahan **139 Pengiktirafan *Diamond*** bagi pencapaian pengurangan pelepasan GHG yang telah dicatatkan pada tahun 2024 oleh PBT dan rakan kongsi;
- iii. penganugerahan **7 Pengiktirafan Reka Bentuk *Diamond*** yang berpotensi mengurangkan kadar pelepasan GHG melalui pelaksanaan strategi bandar rendah karbon di peringkat reka bentuk; dan
- iv. penganugerahan **4 Anugerah Khas** yang akan diumumkan sebentar lagi.

23. Untuk makluman semua, pelaksanaan inisiatif bandar rendah karbon pada tahun 2024, telah mencatatkan **pengurangan pelepasan GHG** sebanyak **465,000.02 tan karbon dioksida setara** dan **jumlah penyerapan karbon (*carbon sequestration*)** yang dicapai adalah sebanyak **29,592.84 tan karbon dioksida**. Pencapaian ini bersamaan dengan **penanaman 12.4 juta batang pokok atau pengurangan 107,063 buah kereta setahun di jalan raya**, berdasarkan anggaran purata perjalanan tahunan masing-masing sebanyak 28,184km.

24. Selain manfaat kepada alam sekitar, usaha ini juga membantu pemilik bangunan mengurangkan kos operasi melalui penggunaan tenaga dan air yang cekap, serta memberi kelebihan kepada pengguna pengangkutan awam dan kenderaan elektrik menerusi perkhidmatan van *on-demand* dan penyediaan stesen pengecas kenderaan elektrik yang mencukupi.
25. Saya dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua PBT yang komited dan telah berjaya meletakkan penanda aras karbon dan mengurangkan kadar pelepasan karbon di kawasan masing-masing. Semoga dengan penganugerahan ini dapat menjadi dorongan untuk terus meningkatkan komitmen serta kecemerlangan prestasi kepada semua untuk lebih memainkan peranan dalam mencapai matlamat ke arah bandar rendah karbon.
26. Akhir kata, saya percaya transformasi ke arah bandar rendah karbon akan memberi impak yang positif kepada pembangunan lestari negara secara keseluruhannya termasuk pembangunan ekonomi hijau tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan menarik pelaburan domestik dan antarabangsa. Sekian, terima kasih.